



Kad Informasi Pendermaan Organ



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
www.moh.gov.my



PERTANYAAN YANG SERING DITANYA:

Adakah pendermaan organ dan tisu akan mencacatkan jenazah?

Proses pendermaan organ dan tisu tidak akan menjelaskan rupa dan bentuk tubuh jenazah. Pengkbumian boleh dijalankan seperti biasa.

Adakah semasa bedah siasat (*post mortem*), organ dan tisu akan diambil tanpa pengetahuan waris?

Proses pengambilan organ dan tisu untuk tujuan transplan hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada waris dan mesti dijalankan secara steril yang berbeza daripada proses bedah siasat.

Adakah agama Islam tidak membenarkan pendermaan organ?

Di negara-negara seperti Malaysia, Mesir, Arab Saudi, Iran, Pakistan dan Singapura, umat Islam dibenarkan berikrar serta mendermakan organ atau tisu mereka mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Adakah sebagai pengikrar pendermaan organ, rawatan semasa saya di hospital akan terjejas?

Rawatan hospital tidak akan terjejas. Bahkan rawatan terbaik tetap diberikan kepada semua tanpa mengira sama ada pengikrar penderma organ atau tidak.

Adakah semua organ daripada pengikrar akan diambil setelah meninggal dunia?

Tidak semestinya. Pendermaan organ akan dilakukan berdasarkan kriteria berikut:

- hanya organ dan tisu yang didermakan oleh keluarga;
- organ dan tisu itu masih berfungsi dan boleh digunakan selepas kematiang;
- ada penerima sesuai yang menunggu.

Sekiranya seorang meninggal di rumah, adakah dia boleh menjadi penderma organ atau tisu?


Hanya pendermaan mata sahaja yang boleh dilakukan sekiranya meninggal di rumah (prosedur akan dijalankan di rumah).

● Organ dan Tisu yang boleh didermakan di Malaysia:-

Organ



Tisu



● Pendermaan Organ dan Mati Otak

- Terdapat dua cara kematian disahkan iaitu mati otak dan mati selepas jantung berhenti.
- Mati otak adalah keadaan di mana segala fungsi otak telah terhenti dan tidak boleh dipulihkan semula.
- Seseorang yang mati otak tidak bernafas tetapi diberi pernafasan oleh mesin ventilator.
- Mati otak boleh disebabkan oleh angin ahmar, jangkitan, barah, pendarahan atau kecederaan pada otak yang teruk.
- Seorang yang telah disahkan mati otak bermakna sudah meninggal dunia. Ini adalah pendirian saintifik perubatan antarabangsa dan juga telah diterima oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.
- Seseorang yang meninggal dunia secara mati otak boleh mendermakan kesemua organ dan tisu. Manakala kematian secara jantung berhenti hanya boleh mendermakan tisu sahaja.

● Pandangan Agama

Islam mengharuskan pendermaan organ selepas meninggal dunia. Agama-agama lain di Malaysia seperti Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh juga membenarkan pendermaan organ setelah meninggal dunia dan menganggapnya amalan yang mulia.

DAFTAR SEKARANG, JADILAH PENGIKRAR PENDERMA ORGAN

PENTING:

Maklumkan kepada keluarga tentang hasrat anda untuk menjadi penderma organ dan tisu.

www.agiftoflife.gov.my

Talian Bebas Tol: 1800-88-9080

Putus Sumbu Transplan Nasional:

Hospital Kuala Lumpur.

Telefon : 03 - 2681 0681 / 03 - 2681 0682

Faks : 03 - 2681 0680

Putus-Putus Sumbu Transplan:

Hospital Raja Permaisuri Bainun,
Ipoh, Perak.

Telefon : 05 - 208 5161 / 05 - 208 5036

Faks : 05 - 242 8033

Hospital Pulau Pinang.

Telefon : 04 - 222 5780 / 04 - 222 5781

Faks : 04 - 229 2433

Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

Telefon : 07 - 225 7000 samb.2751

Faks : 07 - 224 2694

Berkomunikasi dengan kami

www.facebook.com/agiftoflife

Twitter : @ntrc_hkl

Emel : ntrc@moh.gov.my